

## **Pembentukan dan Pengujian Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia persepsi Atlet.**

Fatimah Mustaffa ([fbmpjk@gmail.com](mailto:fbmpjk@gmail.com)) Institut Pendidikan Guru Malaysia, Mohd. Ali bin Jemali ([majsmkt2001@yahoo.com](mailto:majsmkt2001@yahoo.com)) Institut Pendidikan Guru Malaysia & Ahmad bin Esa ([ahmad@uthm.edu.my](mailto:ahmad@uthm.edu.my)), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### **Abstrak**

Pengurusan risiko sukan penting bagi menyediakan persekitaran program sukan yang selamat dan organisasi sukan boleh mengurangkan liabiliti undang-undang serta meningkatkan reputasi organisasi. Pengurusan risiko sukan bertujuan mengelakkan dan meminimumkan kemalangan dalam sukan Negara-negara maju seperti Australia dan United Kingdom telah guna pakai model pengurusan risiko yang standard. Ini menunjukkan organisasi yang menawarkan atau melaksanakan program atau aktiviti sukan, model pengurusan risiko sukan sangat penting dan perlu ada satu model yang standard. Walau bagaimana pun institusi pendidikan di Malaysia tiada model amalan pengurusan risiko sukan yang standard yang boleh diguna pakai oleh guru, pensyarah dan pentadbir sukan bagi mewujudkan sifar risiko dalam sukan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam sukan. Kajian ini memberi fokus kepada konstruk amalan pengurusan risiko sukan yang dominan, perbezaan antara demografi dengan amalan pengurusan risiko sukan dan juga hubungan antara konstruk amalan pengurusan risiko sukan. Seramai 120 orang responden iaitu seramai atlet adalah terdiri daripada guru pelatih yang sedang mengikuti pengajian sepenuh masa di Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia yang terdiri daripada 67 orang guru pelatih lelaki dan 53 orang guru pelatih perempuan. Kaedah analisis data yang digunakan berbentuk deskriptif dan inferensi menggunakan Model Rasch dengan perisian Winsteps. Dapatan kajian konstruk amalan pengurusan risiko sukan telah dapat dihasilkan iaitu terdiri daripada pengenalpastian, pelaksanaan, pemilihan operasi dan pelaksanaan. Melalui analisis faktor yang dijalankan pula, mendapati semua faktor yang dihasilkan telah menepati kriteria yang ditetapkan oleh Model Rasch iaitu bersifat unidimensi. Berdasarkan kajian faktor yang paling dominan adalah konstruk pelaksanaan serta kompetensi memberi sumbangan terhadap amalan pengurusan risiko sukan. Kesimpulannya melalui kajian ini, konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan telah dapat dikenal pasti dan disahkan di mana konstruk-konstruk tersebut bersifat unidimensi. Kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap jurulatih turut menyumbang terhadap amalan pengurusan risiko sukan.

**Kata kunci:** Konstruk Amalan Pengurusan Risiko Sukan, Analisis komponen Utama, Model Pengukuran Rasch.

### **1. Pengenalan**

Pengurusan risiko sukan penting bagi menyediakan persekitaran program sukan yang selamat dan organisasi sukan boleh mengurangkan liabiliti undang-undang serta meningkatkan reputasi organisasi. Pengurusan risiko sukan bertujuan mengelakkan dan meminimumkan kemalangan dalam sukan (Rejda 2011, Hsiu-Chin & Chao-Chein 2010, dan Ang 2007). Negara-negara maju telah mengguna pakai model pengurusan risiko yang standard contohnya Australia sejak 1999 telah mewujudkan model pengurusan risiko yang standard iaitu *Guidelines for the Safe Conduct of Sport and Physical Activity in Schools* (Sobski 1999). United Kingdom juga mempunyai standard khusus pengurusan risiko antaranya *Safety in Sport: Guidance for UK National Governing Bodies* yang diguna pakai sejak 1999 (Fuller 1999), *The management of safety in Physical Education and Outdoor activities* diguna pakai mulai April 2005, *Risk Management Guide for Community Sport*

*Organization* diguna pakai mulai 2010 (Laroche & Corbett 2010). Ini menunjukkan organisasi yang menawarkan atau melaksanakan program atau aktiviti sukan, model pengurusan risiko sukan sangat penting dan perlu ada satu model yang standard (Mustaffa 2013). Walau bagaimana pun institusi pendidikan di Malaysia tiada model amalan pengurusan risiko sukan yang standard yang boleh diguna pakai oleh guru, pensyarah dan pentadbir sukan bagi mewujudkan sifar risiko dalam sukan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam sukan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti konstruk amalan pengurusan risiko jurulatih kompeten bagi tujuan pembinaan kerangka amalan jurulatih kompeten pengurusan risiko sukan.

## **2. Penyataan masalah**

Dalam menyediakan jurulatih kompeten amalan pengurusan risiko sukan, suatu rujukan dari aspek kriteria atau ciri-ciri amalan pengurusan risiko sukan yang sesuai adalah diperlukan. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa amalan pengurusan risiko sukan jurulatih adalah kompeten. Dalam pengurusan risiko, risiko kecuaihan dan kebimbangan risiko sering dijadikan isu utama oleh ibu bapa dan penjaga untuk mengemukakan saman terhadap guru dan pihak sekolah. Dalam kes saman menyaman, biasanya guru akan dijadikan sebagai defendan utama dalam kes yang dibawa oleh ibu bapa plaintif, pengetua sebagai defendan kedua dan kerajaan Malaysia sebagai defendan ketiga (Tie, 2004). Keadaan ini memerlukan semua pihak yang berada di dalam sesebuah sekolah terutamanya pengurus sekolah dan pensyarah mengamalkan pengurusan risiko (Zimmerman, 2007) dan peka dengan peraturan-peraturan, akta dan pekeliling-pekeliling dari pihak Kementerian Pelajaran untuk tujuan perlindungan.

Menurut kepada Comer (1998), perancangan model amalan pengurusan risiko antara kaedah untuk mencegah dan melindungi masalah boleh digunakan untuk menjadikan sebagai satu garis panduan pada masa kini dan akan datang. Perancangan model tersebut menjurus kepada aspek-aspek pencegahan, perlindungan dan keselamatan sekolah untuk bebas daripada elemen-elemen negatif (Abdul Razak, Ismail & Panting 2009, Che Lah 2009) seperti kecederaan semasa program sukan.

Melalui kajian awal di laksanakan terhadap guru besar dan pensyarah sukan menunjukkan wujud permasalahan dari aspek amalan pengurusan risiko sukan yang dapat dikenal pasti dari maklum balas dan reaksi yang telah diberikan oleh guru besar dan pensyarah sukan. Antara maklum balas diperoleh daripada pensyarah, setiausaha sukan dan guru besar sependapat menyatakan

*“Setakat dan sehingga hari ini belum ada model pengurusan risiko yang khusus di dikeluarkan oleh kementerian atau sekolah. tenaga pengajar dan pensyarah sukan menggunakan pengalaman sedia ada serta berdasarkan pembacaan dalam melaksanakan pengurusan risiko”.*

Selain dari itu, guru besar dan pensyarah turut memberi pandangan perlu ada satu model amalan pengurusan risiko yang khusus. Berdasarkan pandangan mereka *“Pentadbir kurang mengambil berat model amalan pengurusan risiko. Pentadbir mempunyai staff berkeelayakan tetapi tidak meletakkan*

*personel yang layak. Prasarana dan personel tak selari oleh sebab itu penyelenggaraan tiada didokumenkan dan dilakukan secara berkala sebab personel bertanggungjawab tiada pengetahuan dan tiada model amalan pengurusan risiko yang khusus atau standard.”*

Oleh itu, satu penyelidikan dijalankan untuk mengenal pasti kerangka model amalan pengurusan risiko sukan yang diperlukan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia .

### **3. Tujuan kajian**

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Konstruk Amalan Pengurusan Risiko Sukan yang dikaji adalah dimensi pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan.

### **4. Objektif kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- I. Mengetahui mengenal pasti konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih
- II. Mengesahkan konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih.
- III. Mengetahui mengenal pasti konstruk yang dominan bagi amalan pengurusan risiko sukan jurulatih

### **5. Metodologi kajian**

Kajian ini dilakukan dengan mengenal pasti permasalahan kajian, menentukan objektif dan skop kajian. Setelah itu, pembinaan item-item dalam soal selidik dibina melalui pendekatan model pengukuran Rasch. Pengguguran dan pengekalan item ditentukan setelah instrumen melalui analisis item dengan menggunakan perisian Winsteps 3.69.11. Seterusnya kajian sebenar dilakukan dengan mengenal pasti konstruk-konstruk yang menjadi amalan pengurusan risiko sukan jurulatih melalui analisis dokumen dan kupasan kajian-kajian lepas. Apabila konstruk yang menjadi amalan pengurusan risiko sukan dikenal pasti, Analisis Komponen Utama dilakukan bagi mengesahkan konstruk-konstruk yang menjadi pemboleh ubah kepada kajian tersebut. Bagi mengesahkan konstruk amalan pengurusan risiko sukan yang dihasilkan, pengkaji menggunakan pendekatan *Item Response Theory* (IRT) model Rasch dengan melakukan Analisis komponen utama (Principle Component Analysis). Langkah yang dilakukan dalam proses PCA adalah dengan merujuk kepada (i) peratus varians mentah dijelaskan oleh pengukuran (*Raw Variance explained by measure*); (ii) peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama (Unexplained variance in 1<sup>st</sup> contrast); dan (iii) nilai eigen Varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama. Daripada nilai dan dapatan hasil analisis PCA, maka konstruk pengurusan risiko sukan dapat diuji. Selepas itu, pengkaji menentukan faktor dominan dan impak dimensi berdasarkan data yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan model Rasch.

## 6. Dapatan kajian

### 6.1 Pembentukan Konstruk amalan pengurusan risiko sukan berdasarkan dapatan data analisis dokumen.

Berdasarkan analisis dokumen, dapatan data ditunjukkan dalam Jadual 6.1 yang telah dikupas daripada hasil kajian pengkaji terdahulu berkaitan pengurusan risiko sukan. Antara kajian yang berkaitan dengan pengurusan risiko sukan yang dirujuk adalah kitaran pengurusan risiko Hronek & Spengler's (2002) yang menyentuh berkenaan risiko rekreasi dan kesenggangan; model strategi pengurusan risiko Carpenter (2000) yang menyentuh berkenaan risiko olahraga, rekreasi dan Pendidikan Jasmani; kitaran pengurusan risiko Fuller (1999) model ini menyentuh tentang risiko sukan olahraga dan pemimpin sukan, model pengurusan Mulrooney dan Farmer (1998) menyentuh tentang risiko sukan olahraga dan kemudahan sukan dan model pengurusan risiko Van de Smissen model menyentuh berkenaan pengurus program.

Jadual 6.1 Perbandingan amalan pengurusan risiko berdasarkan kajian.

Bil	Amalan PRS	Hronek & Spengler 2002	Carpenter 2000	Fuller 1999	Mulrooney & Farmer 1998	Van Der Smissen
1.	Pengenalpastian	/	/	/	/	/
2.	Penilaian	/	/	/	/	/
3.	Pemilihan Operasi	/	/	/	/	/
4.	Pelaksanaan	/	/	/	/	/

### 6.2 Pengesahan Konstruk

Sebelum melaksanakan analisis, pengkaji telah memastikan semua item mempunyai PTMEA-CORR yang positif, fit dengan model dan bersifat tunggal. Berdasarkan dapatan analisis komponen utama terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih konstruk pengenalpastian seperti yang dilaporkan dalam Jadual 6.2.1, mendapati peratus varians mentah dijelaskan oleh pengukuran berdasarkan empirikal ialah 46.2%. Nilai eigen kontras pertama pula ialah 2.8 dan varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama pula ialah 7.5%. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa Konstruk Pengenalpastian ialah konstruk yang unidimensi.

Jadual 6.2.1 Analisis Komponen Utama bagi Konstruk Pengenalpastian.

	Nilai Eigen	Empirikal	Model
Jumlah varians mentah dalam cerapan.	37.2	100.0%	100.0%
Varians mentah dijelaskan oleh pengukuran.	17.2	46.2%	46.3%
Varians mentah dijelaskan oleh responden	11.3	30.4%	30.4%
Varians mentah dijelaskan oleh item	5.9	15.9%	15.9%
Jumlah varians mentah tidak jelas	20.0	53.8%	53.7%
Varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama	2.8	7.5%	

Berdasarkan dapatan analisis komponen utama terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih konstruk penilaian seperti yang dilaporkan dalam Jadual 6.2.2, mendapati peratus varians mentah dijelaskan oleh pengukuran berdasarkan empirikal ialah 46.2%. Nilai eigen kontras pertama pula ialah 3.3 dan varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama pula ialah 8.4 %. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa Konstruk Penilaian ialah konstruk yang unidimensi.

Jadual 6.2.2 Analisis Komponen Utama bagi konstruk Penilaian.

	Nilai Eigen	Empirikal	Model
Jumlah varians mentah dalam cerapan.	39.1	100.0%	100.0%
Varians mentah dijelaskan oleh pengukuran.	18.1	46.2%	46.3%
Varians mentah dijelaskan oleh responden	11.9	30.4%	30.4%
Varians mentah dijelaskan oleh item	6.2	15.9%	15.9%
Jumlah varians mentah tidak jelas	21.0	53.8%	53.7%
Varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama	3.3	8.4%	

Berdasarkan dapatan analisis komponen utama terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih konstruk pemilihan operasi seperti yang dilaporkan dalam Jadual 6.2.3, mendapati peratus varians mentah dijelaskan oleh pengukuran berdasarkan empirikal ialah 46.2%. Nilai eigen kontras pertama pula ialah 2.8 dan varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama pula ialah 7.5%. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa Konstruk Pemilihan Operasi ialah konstruk yang unidimensi.

Jadual 6.2.3 Analisis Komponen Utama bagi konstruk Pemilihan Operasi.

	Nilai Eigen	Empirikal	Model
Jumlah varians mentah dalam cerapan.	37.2	100.0%	100.0%
Varians mentah dijelaskan oleh pengukuran.	17.2	46.2%	46.3%
Varians mentah dijelaskan oleh responden	11.3	30.4%	30.4%
Varians mentah dijelaskan oleh item	5.9	15.9%	15.9%
Jumlah varians mentah tidak jelas	20.0	53.8%	53.7%
Varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama	2.8	7.5%	

Berdasarkan dapatan analisis komponen utama terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih konstruk pelaksanaan seperti yang dilaporkan dalam Jadual 6.2.4, mendapati peratus varians mentah dijelaskan oleh pengukuran berdasarkan empirikal ialah 46.2%. Nilai eigen kontras pertama pula ialah 3.0 dan varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama pula ialah 5.9%. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa Konstruk Pengenalpastian ialah konstruk yang unidimensi.

Jadual 6.2.4 Analisis Komponen Utama bagi konstruk Pelaksanaan.

	Nilai Eigen	Empirikal	Model
Jumlah varians mentah dalam cerapan.	50.2	100.0%	100.0
Varians mentah dijelaskan oleh pengukuran.	23.2	46.2%	46.3%
Varians mentah dijelaskan oleh responden	15.3	30.4%	30.4%
Varians mentah dijelaskan oleh item	8.0	15.9%	15.9%
Jumlah varians mentah tidak jelas	27.0	53.8%	53.7%
Varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama	3.0	5.9%	

### 6.3 Konstruk amalan yang dominan

Jadual 6.3 Analisis Tahap Persetujuan Atlet Terhadap Keseluruhan Amalan Pengurusan Risiko Sukan Yang Lebih Dominan Diamalkan

Konstruk	Min Skor	Min Ukuran	Urutan Min Faktor
Pelaksanaan	-0.9	4.30	↑
Pemilihan Operasi	-0.03	4.28	
Pengenalpastian	-0.02	4.27	
Penilaian	0.19	4.20	

Setelah konstruk-construct yang dikaji disahkan melalui Analisis Komponen Utama, pengkaji telah mengenal pasti apakah konstruk yang paling dominan di antara keempat-empat konstruk tersebut yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko sukan jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. Analisis deskriptif dengan melihat nilai min measure telah dilakukan ke atas keempat-empat konstruk tersebut iaitu pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan. Dapatan analisis seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6.3 menunjukkan tahap persetujuan atlet terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan yang lebih dominan iaitu pelaksanaan, pemilihan operasi, pengenalpastian dan penilaian.

#### 6.4 Impak kompetensi terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih.

Jadual 6.4: Tahap Sumbangan Kompetensi Pengetahuan Pensyarah Terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan.

Label	Kompetensi Pengetahuan	Min Ukuran (logit)	Min Skor	Tahap
KP1	mempunyai pengetahuan kerja berdasarkan hierarki keperluan Maslow.	0.07	4.25	Tinggi
KP2	berkebolehan menerangkan peranan yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli kumpulan.	-0.24	4.35	Tinggi
KP3	mempunyai pengetahuan mengatasi konflik.	-0.01	4.28	Tinggi
KP4	memahami tatacara tindakan sepanjang aktiviti dijalankan.	-0.46	4.46	Tinggi
KP5	berpengetahuan tentang kesesuaian aktiviti yang dilakukan mengikut kemampuan.	-0.30	4.37	Tinggi
KP6	jurulatih menjelaskan kaedah mengurangkan risiko.	-0.21	4.34	Tinggi
KP 7	aktiviti kemahiran diajar dalam perkembangan yang betul.	-0.32	4.34	Tinggi

Berdasarkan kepada analisis terhadap sumbangan kompetensi pengetahuan kepada amalan pengurusan risiko sukan jurulatih, keseluruhan nilai min ukuran (mean measure) iaitu  $-0.21$  logit dan min skor ialah  $520.7/120=4.34$ . Analisis sumbangan kompetensi pengetahuan terhadap amalan pengurusan risiko sukan secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 6.4. Bagi kompetensi memahami tatacara tindakan sepanjang aktiviti dijalankan(KP4) ia dipersetujui oleh responden tahap yang tertinggi sumbangannya terhadap amalan mereka iaitu dengan nilai min ukuran iaitu  $-0.46$  logit dan min skor ialah  $4.46$ . Seterusnya, kompetensi berpengetahuan tentang kesesuaian aktiviti yang dilakukan mengikut kemampuan (KP5)

mencatatkan nilai min ukuran -0.30 dan min skor ialah 4.37, kompetensi berkebolehan menerangkan peranan yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli kumpulan (KP2) mencatatkan nilai min ukuran -0.21 logit dan min skor 4.34, item jurulatih menjelaskan kaedah mengurangkan risiko (KP6) mencatat nilai min ukuran -0.14 logit dan min skor 4.182. Bagi item aktiviti kemahiran diajar dalam perkembangan yang betul (KP7) mencatatkan nilai min ukuran -0.32 logit dan min skor 4.34, mempunyai pengetahuan mengatasi konflik (KP3) mencatat nilai min ukuran -0.01 logit dan min skor 4.28, dan item mempunyai pengetahuan kerja berdasarkan hierarki keperluan Maslow (KP1) mencatat nilai min ukuran 0.07 logit dan min skor 4.25 juga pada tahap persepsi yang tinggi. Dapatan menunjukkan kompetensi Pengetahuan telah dipersetujui oleh responden pada tahap yang tinggi dapat memberi sumbangan terhadap amalan pengurusan risiko sukan.

**Jadual 6.4: Tahap Sumbangan Kompetensi Kemahiran Pensyarah Terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan.**

<b>Label</b>	<b>Kompetensi Kemahiran</b>	<b>Min Ukuran (logit)</b>	<b>Min Skor</b>	<b>Tahap</b>
KK1	mempunyai kematangan pertimbangan dalam mengurus risiko yang sewajarnya.	0.09	4.24	Tinggi
KK2	dapat menunjukkan kemahiran spesifik berkaitan dengan aktiviti yang dikendalikan.	-0.08	4.30	Tinggi
KK3	berkemahiran dalam teknik pengawalan suhu badan.	0.28	4.18	Tinggi
KK4	mempunyai kemahiran untuk memperoleh maklum balas.	0.09	4.24	Tinggi
KK5	berkemahiran merancang bentuk aktiviti dengan intensiti berbeza .	-0.01	4.28	Tinggi
KK6	berkemahiran merancang aktiviti mengikut keupayaan setiap peserta.	-0.06	4.29	Tinggi
KK7	berkemahiran mempertimbangkan sumber yang ada di sekolah dan masyarakat.	0.09	4.24	Tinggi
KK8	peraturan aktiviti diubah suai berdasarkan tahap kebolehan kemahiran aktiviti peserta.	0.01	4.28	Tinggi



Jadual 6.5 menunjukkan nilai min ukuran dan min skor bagi setiap item kompetensi kemahiran. Dapatan ini menunjukkan kemahiran spesifik berkaitan dengan aktiviti yang dikendalikan (KK2) menunjukkan tahap sumbangan yang paling tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.08 logit dan min skor 4.30 dan berkemahiran dalam teknik pengawalan suhu badan (KK3) mencatatkan nilai min ukuran 0.28 logit dan min skor 4.18 menunjukkan tahap sumbangan yang paling rendah. Seterusnya dengan berkemahiran merancang aktiviti mengikut keupayaan setiap peserta (KK6) mencatatkan nilai min ukuran -0.06 dan min skor 4.29, berkemahiran merancang bentuk aktiviti dengan intensiti berbeza (KK5) mencatatkan nilai min ukuran -0.01 dan min skor 4.28, mempunyai kematangan pertimbangan dalam mengurus risiko yang sewajarnya (KK1) mencatatkan nilai min ukuran 0.09 dan min skor 4.24, dan peraturan aktiviti diubah suai berdasarkan tahap kebolehan kemahiran aktiviti peserta (KK8) mencatatkan nilai min ukuran 0.01 dan min skor 4.28 mempunyai kemahiran untuk memperoleh maklum balas (KK4) mencatatkan nilai min ukuran 0.09 dan min skor 4.24. Bagi kompetensi pengetahuan berkemahiran mempertimbangkan sumber yang ada di sekolah dan masyarakat (KK7) pula mencatatkan nilai min ukuran 0.09 dan min skor 4.24. Dapatan menunjukkan kompetensi kemahiran telah dipersetujui oleh responden pada tahap yang tinggi dapat memberi sumbangan terhadap amalan pengurusan risiko sukan.

**Jadual 6.6: Tahap Sumbangan Kompetensi Sikap Pensyarah Terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan.**

Label	Kompetensi Sikap	Min Ukuran (logit)	Min Skor	Tahap
KS1	mempunyai kecergasan fizikal yang mantap untuk mengurus risiko.	0.09	4.25	Tinggi
KS2	berkemampuan untuk memberi pengertian pengurusan risiko.	-0.11	4.31	Tinggi
KS3	berkebolehan memberi motivasi dalam mengendalikan program.	-0.14	4.32	Tinggi
KS4	sentiasa dihargai untuk prestasi kerja.	-0.30	4.37	Tinggi
KS5	berpeluang meningkatkan prestasi dalam melaksanakan tugas.	-0.21	4.34	Tinggi
KS6	sentiasa positif dengan beban kerja.	-0.32	4.38	Tinggi

Berdasarkan kepada analisis terhadap sumbangan kompetensi sikap kepada amalan pengurusan risiko sukan jurulatih, Jadual 6.5 menunjukkan keseluruhan nilai min ukuran

(mean measure) iaitu -0.16 logit dan min skor ialah  $519/120=4.33$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa dengan sentiasa positif dengan beban kerja (KK6) menunjukkan tahap sumbangan yang paling tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.32 logit dan min skor 4.38. Mempunyai kecergasan fizikal yang mantap untuk mengurus risiko (KS1) menunjukkan tahap sumbangan yang paling rendah dengan mencatatkan nilai min ukuran 0.09 logit dan min skor 4.25. Bagi sentiasa dihargai untuk prestasi kerja (KS4), juga menunjukkan tahap sumbangan yang tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.30 logit dan min skor 4.37. Seterusnya berpeluang meningkatkan prestasi dalam melaksanakan tugas (KS5) menunjukkan tahap sumbangan yang tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.21 logit dan min skor 4.34; berkebolehan memberi motivasi dalam mengendalikan program (KS3) menunjukkan tahap sumbangan yang tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.14 logit dan min skor 4.32; dan berkemampuan untuk memberi pengertian pengurusan risiko (KS2), menunjukkan tahap sumbangan yang tinggi dengan mencatatkan nilai min ukuran -0.11 logit dan min skor 4.31. Kompetensi sikap telah dipersetujui oleh responden pada tahap yang tinggi dapat memberi sumbangan terhadap amalan pengurusan risiko sukan.

## **7.0 Perbincangan**

Kajian ini mengenal pasti konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih daripada persepsi atlet dan jurulatih bagi tujuan pembinaan instrumen konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih. Kajian ini juga akan mengesahkan sama ada konstruk yang dihasilkan merupakan konstruk utama bagi amalan pengurusan risiko sukan jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia serta mengenal pasti konstruk yang paling dominan dan adakah terdapat perbezaan antara jantina bagi setiap konstruk-konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia.

### **7.1 Pembentukan Konstruk Amalan Pengurusan Risiko Sukan**

Penerokaan amalan pengurusan risiko sukan jurulatih IPG ini dijalankan melalui dua pendekatan iaitu dengan kaedah analisis dokumen dan secara menemu bual pakar di dalam bidang pengurusan risiko sukan. Berdasarkan kepada analisis dokumen yang diperolehi melalui penerokaan hasil penulisan kajian di dalam jurnal, kertas kerja seminar dan penerbitan buku ilmiah, terdapat empat konstruk amalan pengurusan risiko sukan yang telah dicadangkan oleh pengkaji terdahulu. Hronek & Spengler's (2002) yang menyentuh berkenaan risiko rekreasi dan kesenggangan menyatakan bahawa amalan pengurusan risiko sukan iaitu pengenalanpastian risiko, penilaian risiko, rawatan risiko dan pelaksanaan risiko. Model strategi pengurusan risiko Carpenter (2000) pula menyentuh berkenaan risiko olahraga, rekreasi dan Pendidikan Jasmani menjelaskan amalan pengurusan risiko sukan iaitu pengenalanpastian, penilaian risiko dan pengurusan risiko dengan memilih operasi sama ada untuk

buang, mengurangkan atau memindahkan risiko. Seterusnya kitaran pengurusan risiko Fuller (1999) di mana model ini menyentuh tentang risiko sukan olahraga dan pemimpin sukan menyatakan amalan pengurusan risiko sukan iaitu mengenal pasti kemudahan, peralatan dan aktiviti; mengenal pasti bahaya yang dikaitkan dengan kemudahan, peralatan dan aktiviti; menganggar dan menilai risiko dan melaksanakan langkah-langkah kawalan. Bagi model pengurusan risiko Van de Smissen model menyentuh berkenaan pengurus program menjelaskan amalan pengurusan risiko sukan iaitu menganalisis risiko dan menentukan pendekatan untuk mengawal; pernyataan dasar yang berkaitan yang disyorkan oleh entiti yang membina dasar; menyatakan amalan operasi yang wajar dikenal pasti dan format ke dalam model; dan melaksanakan model pengurusan risiko.

Dapatan kajian secara kualitatif yang diperolehi melalui sesi temu bual bersama pakar dalam bidang pengurusan risiko sukan, secara majoritinya mereka bersetuju terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih. Pada pandangan mereka, amalan pengurusan risiko sukan jurulatih adalah pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan. Pendapat yang diberi oleh pakar bidang ini selari dengan Rejda 2011 dan Mulrooney dan Farmer 1998 yang menjelaskan bahawa amalan pengurusan risiko sukan ini dapat meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kos kerugian program sukan organisasi.

## **7.2 Pengesahan Konstruk**

Hasil analisis menunjukkan bahawa konstruk yang dibentuk iaitu 4 amalan pengurusan risiko sukan yang terdiri daripada pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan. Keempat-empat konstruk ini merupakan konstruk yang bersifat unidimensi iaitu tiada dimensi lain yang mempengaruhi. Dapatan analisis membuktikan bahawa dapatan telah memenuhi kriteria analisis faktor model Rasch di mana Linacre (2010) menyatakan bagi menghasilkan suatu konstruk yang unidimensi, maka peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama (*first contrast unexplained variance*) tidak melebihi 10%, dan nilai eigen kontras pertama (*first contrast eigenvalue*) juga tidak melebihi 3.0.

Berdasarkan dapatan yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa tidak wujud dimensi kedua pada konstruk seperti yang dinyatakan oleh Bond dan Fox (2007) serta Linacre (2010) yang menyatakan bahawa tidak wujud dimensi yang kedua apabila mematuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk menentukan keunidimensionaliti terhadap konstruk. Perkara ini juga selari dengan kenyataan Baghaei (2008) yang menyatakan bahawa kesahan konstruk berkait dengan penghasilan item-item yang sesuai untuk mengukur dimensi yang tunggal dan *fit* kepada model. Beliau menambah, model pengukuran Rasch merupakan alat (*tool*) kesahan terhadap konstruk. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa kerangka amalan pengurusan risiko sukan yang terhasil melalui 4 konstruk iaitu pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan adalah sah dan boleh dipercayai untuk dijadikan sebagai rujukan dalam mengaplikasikan amalan pengurusan risiko sukan jurulatih di IPG.

### **7.3 Mengenal pasti konstruk yang paling dominan**

Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan, responden bersetuju kepada semua konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih yang disenaraikan di dalam soal selidik. Respondent merupakan jurulatih yang bertugas sebagai pensyarah dan atlet yang sedang mengikuti pengajian di IPG seluruh Malaysia ini memberikan persetujuan yang tinggi terhadap amalan pengurusan risiko sukan iaitu pelaksanaan, pemilihan operasi, pengenalpastian dan penilaian. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Hronek & Spengler's (2002) dan Carpenter(2000) menyatakan amalan pengurusan risiko sukan pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan akan mewujudkan persekitaran program sukan selamat dan meminimumkan kerugian kepada organisasi sukan. Pernyataan ini turut disokong Attarian (2012) pengurusan risiko sukan dapat mengurangkan kebarangkalian, keterukan kemalangan dan kecederaan, seterusnya untuk mengurangkan pendedahan liabiliti perundangan kepada organisasi.

### **7.4 Perbincangan dapatan kajian Tahap Sumbangan Kompetensi Kemahiran Pensyarah Terhadap Amalan Pengurusan Risiko Sukan.**

Kompetensi jurulatih iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap ini dapat memberikan sumbangan terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, peranan kompetensi jurulatih ini dalam memberikan sumbangannya kepada amalan pengurusan risiko sukan jurulatih adalah seperti berikut:

#### **7.4.1 Sumbangan Kompetensi Pengetahuan terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih.**

Analisis yang telah dijalankan memberikan keputusan iaitu respondent bersetuju pada tahap yang tinggi terhadap sumbangan kompetensi pengetahuan terhadap pengurusan risiko sukan yang jurulatih amalkan. Amalan pengurusan risiko sukan jurulatih akan bertambah disebabkan oleh kompetensi pengetahuan yang dikuasai jurulatih. Kajian ini selari dengan pernyataan Chen (2012), Kim (1997) dan Buttell & Flinn, (1978) menyatakan jurulatih perlu menguasai pengetahuan tentang risiko sukan persekitaran. Hungerford dan Tomera (1986) menjelaskan individu berpengetahuan akan bertingkah laku bertanggungjawab terhadap persekitarannya. Dari segi pengetahuan sikap adalah pemboleh ubah pengantara, dan terdapat hubungan yang lebih signifikan antara pengetahuan dan tingkah laku sebenar.

#### **7.4.2 Sumbangan Kompetensi Kemahiran terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih.**

Amalan pengurusan risiko sukan dapat ditingkatkan dengan kemahiran jurulatih dalam melaksanakan aktiviti sukan. Kenyataan ini adalah berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan.

Responden bersetuju bahawa kompetensi kemahiran jurulatih dapat meningkatkan amalan pengurusan risiko sukan. Kajian ini selari dengan pernyataan Siegrist & Cvetkovich (2000) pengurusan risiko hanya akan dipertanggungjawabkan kepada individu yang berkemahiran mengurus aktiviti dan risiko. Kemahiran ini boleh hadir semula jadi atau diperolehi melalui latihan. Kemahiran juga akan menerangkan ( menterjemahkan) pengetahuan kepada amalan.

#### **7.4.3 Sumbangan Kompetensi Sikap terhadap amalan pengurusan risiko sukan jurulatih.**

Responden di dalam kajian ini bersetuju dengan memberikan persepsi mereka terhadap kompetensi sikap yang positif pada tahap yang tinggi terhadap pengurusan risiko sukan yang diamalkan jurulatih. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Haltiwanger (2012) sikap merupakan amalan terbaik yang mempunyai nilai korelasi signifikan dalam proses termasuk perhubungan positif dalam pengurusan risiko. Bond (1996) dan Watkins & Biggs (1996) menyatakan seseorang itu akan berfikiran positif sekiranya perhubungan sosial wujud dalam komuniti kesan daripada perkongsian ilmu dan ketekunan mereka dalam menjalankan aktiviti secara bersama. Menurut Yahya(2006) dan Yahya & Latif (2006), sikap adalah nilai kepercayaan yang mempengaruhi amalan terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan kognitif, efektif dan perlakuan.

### **8.0 Kesimpulan.**

Dalam kajian ini, konstruk bagi amalan pengurusan risiko sukan telah dapat dikenal pasti berdasarkan rumusan analisis dokumen dengan membuat kupasan kajian literatur melalui integrasi model dan teori-teori berkaitan pengurusan risiko sukan. Berdasarkan dapatan hasil kajian juga, pengkaji membuat kesimpulan bahawa objektif kajian yang dibentuk telah dapat dicapai, iaitu konstruk amalan pengurusan risiko sukan telah dapat dihasilkan iaitu terdiri daripada (1) Pengenalpastian, (ii) Pelaksanaan, (iii) Pemilihan Operasi dan (iv) Pelaksanaan. Kerangka Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih yang terhasil melalui pengesahan terhadap konstruk juga telah dapat dibuktikan melalui analisis PCA yang dilakukan di mana kesemua parameter yang dikenal pasti telah menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh model Rasch. Kesemua nilai yang diperolehi melalui analisis tersebut adalah lebih daripada 40% pada peratusan varians mentah dijelaskan oleh pengukuran (*raw variance explained by measure*) bagi model Rasch, kurang daripada 10% pada peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama (*first contrast unexplained variance*) dan kurang daripada 3.0 pada nilai eigen kontras pertama (*first contrast eigenvalue*). Ini membuktikan bahawa konstruk yang dihasilkan bersifat unidimensi dan tidak terdapat faktor lain yang dikesan dalam konstruk amalan pengurusan risiko sukan jurulatih. Analisis juga mendapati Amalan pengurusan risiko sukan jurulatih akan lebih bertambah dengan jurulatih yang menguasai kompetensi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah penting

Secara keseluruhannya konstruk amalan pengurusan risiko sukan telah dapat dihasilkan dalam usaha untuk menghasilkan instrumen bagi menilai amalan pengurusan risiko sukan jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. Konstruk yang dibina juga telah diuji dan disahkan di mana konstruk yang dihasilkan merupakan konstruk yang bersifat unidimensi dan mampu mengukur apa yang hendak diukur. Walau bagaimana pun Kerangka Amalan Pengurusan Risiko Sukan telah disahkan melalui analisis faktor model Rasch berdasarkan Analisis Komponen Utama yang mengesahkan unidimensionaliti konstruk, item bersifat tunggal dan membuktikan tiada dimensi lain yang wujud pada konstruk namun, kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan melakukan analisis faktor melalui pendekatan *Confirmatory Analisis Factor (CFA)* bagi menguji korelasi antara faktor seterusnya mengesahkan model jika saiz sampel yang diambil untuk kajian adalah bersesuaian.

## Rujukan

- Abdul Razak, M.N., Ismail, C.I. dan Panting, A.J. (2009). *HBPE3203 Kebersihan dan Keselamatan Persekitaran*. Selangor: Open University Malaysia.
- Attarian (2012). *Risk Management in Out Door and Adventure Programs: Scenarios of Accidents, Incidents, and Misadventures*. Human Kinetics, United Kingdom.
- Baghaei, P.( 2008). The Rasch Model as a Construct Validation Tool, *Rasch Measurement Transaction*, 2008, 22;1p.1145.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2007). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Second Edition. Lawrence Erlbaum Associates, Publisher.Mahwah, New Jersey,London.
- Carpenter,L.J.(2000). *Legal concepts in Sport: Aprimer*. (2<sup>nd</sup>.ed). Sagamore Publishiing in cooperation with The american alliance for Health, Physical Education, Recreation and Dance. (1<sup>st</sup>.ed 1995)
- Comer, P.J., Spouge, J.R., Stearn, S., 1998. Risk assessment of BSE infectivity in the environment from rendering of over thirty month scheme cattle. *J. Risk Res.* 1, 281 – 293.Farmer, P.J., Mulrooney, A.L. & Ammon, R. (1996). *Sport Facility Planning and Management*. Portland: Fitness Information Technology.
- Herb, A. (2012). *Risk Management in Sport: Issues and Strategies*. 3rd.ed. United State : Carolina Academic Press.
- Hronek, B.B., & Spengler, J.O.(2002). *Leal Liability in Recreation and Sport*, Champaign, IL: Sangamore.
- Kaiser, R. A. (1986). *Liability and law in recreation, parks, and sports*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Kilpatrick, M., Hebert, E. & Bartholomew, J.(2005). College Students' Motivation for Physical Activity : Differentiating Men's and Women's Motives for Sport Participation and Exercise. *Journal of American College Health, Vol.54, 2.*

Laroche, D.B. and Corbett, R. (2010). *Risk Management Guide for Community Sport Organizations.* Canada: 2010 Legacies Now.

Linacre, J.M.(2010). *A user's guide to WINSTEPS: Rasch-model computer program.* Beaverton: Oregon.

Mustaffa, F.(2013). Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Prosiding 1<sup>st</sup> UMS International Sport Science Conference.* Sabah: Universiti Malaysia Sabah. 1-330.

Rejda, G.E. (2011). *Principles of Risk Management and Insurance.* 11th.ed . New Jersey : Pearson.

Sekendiz, B. (2011). *An Investigation of risk management practice in the Health and fitness Facilities in Queensland: minimizing the likelihood of legal Liability.* Bond University: Tesis Ph.D.

Sobski, J.(1999). *Guidelines for the Safe Conduct of Sport and Physical Activity in Schools.* New South Wales : Department of Education and Training.

SOCG (2003). *Sport Safety and Risk Management for Coaches.* Washington: Special Olympics Coaching Guide Berlonghi 1990

Tie Fatt Hee (2004). *Liabiliti dalam Pengurusan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Van der Smissen, B (1996). Tort Liability and Risk Management, dalam Parkhouse, B.L. (1996). *The Management of Sport.* 2nd.ed. United State: Mosby. pp 164-183

Van der Smissen, B. (1990). *Legal liability and risk management for public and private entities.* Cincinnati: Anderson Publishing Company.

Wiersma, W. (2000), *Research in Education : An Introduction.* 7<sup>th</sup>.ed. Boston : Allyn and Bacon

Zimmerman, E.P.(2007) *Risk Management Practice of Collegiate Athletic Trainers : An Examination*